

## **TEMA PMPT 2020: DIUTUS DENGAN SUKACITA UNTUK MENYEMBUHKAN**

### **SUB – TEMA Febuari:**

#### **Dengan luka-luka – Nya, engkau telah disembuhkan.**

Fokus: Allah, adalah Pengutus

Peristiwa: Hari Orang Sakit Sedunia

#### **Pengenalan :**

Dalam homilinya pada Hari Minggu Kerahiman Ilahi pada 12 April 2015 di Roma, Paus Francis mengatakan bahwa bekas luka-luka Yesus penuh dengan belas kasihan, dan mendorong kita untuk mencontohi rasul Thomas dalam menyentuh luka-luka itu dan membiarkan hati kita dipertobatkan (diubah). Paus itu berkata, "Tuhan menunjukkan kepada kita, melalui Injil, luka-lukanya. Itu adalah luka-luka belas kasihan. Memang benar: luka-luka Yesus adalah luka-luka belas kasihan," Yesus, katanya, "mengundang kita untuk melihat luka-luka ini, untuk menyentuhnya seperti yang dilakukan Thomas, untuk menyembuhkan ketidakpercayaan kita. Yang terpenting, dia mengundang kita untuk masuk ke dalam misteri luka-luka ini, yang merupakan misteri dari kasihnya yang penuh belas kasihan."

#### **DOA PEMBUKAAN:**

+ Jemputlah salah seorang untuk doa pembukaan.

#### **LAGU PEMBUKAAN: S'PERTI RUSA RINDU SUNGAIMU**

S'perti rusa rindu sungaiMu

Jiwaku rindu Engkau

Kaulah Tuhan hasrat hatiku

Kurindu menyembahMu

Kor:

Engkau kekuatan dan perisaiku

kepadaMu rohku berserah

Kaulah Tuhan hasrat hatiku

Kurindu menyembahMu

Yesus, Yesus,

Kau bererti bagiku

Yesus, Yesus,

Kau segalanya bagiku

#### **DIALOG:**

Artikel di bawah ini ditulis oleh Kathryn C. Larisey, yang merupakan psikoterapis, penyelia klinikal dan pembimbing rohani persendirian di Atlanta, Georgia, AS. Kebimbangan, pening, rasa azab. Apa yang berlaku kepada saya? Saya sepatutnya menjadi tuan rumah kepada pesta ulang tahun ke-8 anak perempuan saya. Sebaliknya, saya duduk di katil hospital di bilik kecemasan. Jantungku berdebar-debar, kepalaku tunduk ke bawah, tanganku. Apakah makna semuanya ini? Saya fikir saya mengalami serangan jantung, tetapi mereka memanggilnya Gangguan Panik. Apa? Saya? Saya mempunyai gangguan (sakit)? Ini tidak boleh berlaku. Saya seorang ibu dan isteri. Saya mempunyai keluarga untuk dijaga. Mereka bergantung kepada saya. Saya berdoa agar detik yang menakutkan ini berlalu supaya saya dapat kembali ke tugas rumah saya. Kemudian datanglah seorang lelaki yang berpakaian hitam dengan kolar putih. Dia adalah seorang Paderi. Tanpa diperkenalkan, dia dengan senyap duduk di sebelah saya di atas katil. Kami duduk bersama dalam keadaan senyap yang rasanya amat lama sekali. "Jadi kamu mahu menjadi penyembuh," katanya, mengganggu kesunyian itu. "Apa?" Saya bertanya. "Kamu mahu menjadi penyembuh," katanya lagi. Di saat-saat seperti inilah akan lahirnya penyembuh-penyembuh." Lapan belas tahun

telah berlalu sejak kunjungan Paderi ini. Secara ringkasnya, dan tanpa gembar-gembur, paderi paroki yang rendah hati ini menyatakan tenaga tipikal si Penyembuh yang Terluka. Ianya telah mengubah perspektif saya. Apa yang saya sangkakan Perjalanan ke Atas sebenarnya adalah Perjalanan ke Bawah. Jalan Pendakian sebenarnya adalah Jalan Penurunan. Penyembuh yang paling mahir, bukannya menjadi model kesihatan yang kuat dan berkebolehan—adalah seseorang yang telah menderita pelbagai penyakit dan sedang diubah oleh penderitaan itu. Peralihan dalam perspektif tentang penyembuh ini adalah inti tulisan-tulisan Carl Jung. Dalam babnya yang berjudul Soalan Asas tentang Psikoterapi, dia menerangkan: *Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa, separuh daripada setiap rawatan yang disiasat secara mendalam—terdiri daripada pemeriksaan doktor itu terhadap dirinya sendiri, kerana apa yang dia boleh perbetulkan dalam dirinya sahaja yang dapat dia betulkan dalam pesakitnya. Ini, dan tidak ada yang lain adalah makna penyembuh yang terluka. Pernyataan Carl Jung ini amat jelas. Pengalaman seseorang psikoterapi itu sendiri yang terluka adalah apa yang membantu dia berhadapan dengan penderitaan klien (pesakitnya) dalam empati. Carl Jung mencadangkan bahawa "kesihatan mental" ahli terapi (penyembuh) itu tidak patut dianggap lebih "unggul" daripada kesihatan mental pesakitnya. Duduk dengan senyap dan mendengar rasa sakit klien (pesakit) itu memaklumkan rasa saling ketidakupayaan bersama untuk "melakukan" apa saja untuk menghilangkan penderitaan itu.*

### **Bincang dengan orang yang bersebelahan dengan kamu:**

- ♣ Berdasarkan artikel di atas dan sebagai seorang Kristian, adakah pengalaman saya sendiri yang terluka menjadikan saya lebih berasa empati dengan orang lain yang terluka?
- ♣ Apakah maksud kata – kata ini '*Dengan luka-lukaNya, kamu telah disembuhkan*' bagi kamu?



### **PENDALAMAN**

**TEKS ALKITAB:** Yesaya 53: 4 – 7

Padahal penderitaan kitalah yang ditanggungnya, penyakit kitalah yang dideritaNya. Selama ini kita menyangka bahawa penderitaanNya itu hukuman Allah bagiNya. Tetapi Dia dilukai kerana dosa kita, dia disiksa kerana perbuatan jahat kita. Kita diselamatkan kerana hukuman yang ditanggungNya, kita disembuhkan kerana luka – lukaNya. Dahulu kita semua seperti domba yang sesat, masing – masing mengikuti jalan sendiri. Tetapi Tuhan menjatuhkan hukuman yang seharusnya dijatuhkan kepada kita. Dia diperlakukan dengan kasar, tetapi Dia menanggungnya dengan sabar; Dia tidak membuka mulutNya seperti anak domba yang dibawa ke pembantaian, atau induk domba yang dicukur bulunya.

### **RENUNGAN:**

- BACA teks dengan kuat dan DENGAR dengan minda dan hati yang terbuka.
- BACA teks secara peribadi dengan senyap, sehingga perkataan atau frasa menyentuh anda.
- Apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada saya melalui perkataan atau frasa yang telah saya pilih?
- Apakah yang saya katakan kepada Tuhan sebagai sahutan kepada Sabda-Nya?
- Berkongsilah dalam kumpulan kecil (3-4 orang), perkataan/ayat yang telah menyentuh kamu.

### **TINDAKAN:**

Bincangkan bagaimana kita, walaupun kita terluka, banyak cabaran dan kesakitan, boleh membantu orang lain dalam keluarga, KED, paroki dan masyarakat kita.

## **DOA PENUTUP**

+ Menjemput seseorang untuk doa penutup

## **LAGU PENUTUP: HANYA DEKAT KASIHMU BAPA**

Hanya dekat kasihMu Bapa  
Jiwaku pun tenteram  
Engkau menerimaku  
Dengan sepenuhnya

Walau dunia melihat rupa  
Namun Kau memandangkanku  
Sampai kedalaman hatiku

Cho : Tuhan, inilah yang kutahu  
Kau mengenal hatiku  
Jauh melebihi semua  
Yang terdekat sekalipun

Tuhan, inilah yang kumahu  
Kau menjaga hatiku  
Supaya kehidupan  
Memancar senantiasa